

CIRI-CIRI PEMBINAAN RUMAH TRADISIONAL MELAYU MELAKA DAN  
NEGERI SEMBILAN

FADZLIANA BTE JUSOH

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda  
Senibina

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2002

## ABSTRAK

Rumah tradisional Melayu merupakan salah satu warisan kesenian dan memaparkan keindahan seni bina bangsa Melayu. Secara umumnya, semua rumah Melayu menggunakan konsep pembinaan yang sama. Namun, ia mempunyai identiti yang membezakannya antara rumah yang berasal dari negeri yang berlainan di Malaysia. Kajian tesis ini tertumpu kepada analisa perbandingan ciri-ciri seni pembinaan rumah tradisional Melayu Melaka dan Negeri Sembilan. Kaedah perbandingan dengan rumah-rumah yang telah ada digunakan dalam menganalisa ciri-ciri pembinaannya. Faktor sejarah, pengaruh luar, adat dan agama juga berkaitan dalam analisa ini. Ciri-ciri seni pembinaan pada rumah tradisional Melayu Melaka dan Negeri Sembilan mempunyai banyak persamaan secara pandangan mata kasar. Terdapat juga perbezaan tetapi lebih tertumpu kepada elemen yang kecil dan sistem sambungan strukturnya. Gambaran melalui lakaran lukisan dan gambarfoto disediakan untuk menunjukkan ciri-ciri yang dibandingkan.